

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24

Pertumbuhan sederhana ekonomi dijangka kekal

Pertumbuhan sederhana ekonomi dijangka kekal

Penguncupan eksport beri kesan terhadap KDNK Malaysia

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Pertumbuhan sederhana ekonomi Malaysia pada suku pertama dijangka akan berterusan dalam tempoh suku seterusnya didorong oleh penguncupan dalam eksport.

Ketua Bersama, Strategi Makro Global, Pasukan Penyelesaian Berbilang Aset Manulife, Sue Trinh, berkata hal ini kerana China yang juga rakan dagangan terbesar negara mempunyai dengan margin eksport yang kekal luas.

Beliau berkata, disebabkan penurunan eksport itu, ekonomi Malaysia akan diseimbangkan dengan meneruskan kebergantungannya kepada perbelanjaan isi rumah.

"Malaysia akan bergantung

kepada isi rumah untuk meningkatkan pertumbuhan tahun ini.

"Sokongan akan diteruskan dengan ada banyak tanda positif keutamaan fiskal kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana," katanya ketika taklimat Tinjauan Pertengahan Tahun Pasaran Serantau 2023 secara maya semalam.

Trinh berkata, jika dilihat kepada inflasi Malaysia ketika ini kelihatan agak stabil, sekali gus menjadikannya kurang halangan untuk berbelanja.

Beliau berkata, inflasi yang kelihatan agak 'rendah' itu juga akan mengurangkan tekanan

kepada Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) secara agresif.

"Justeru, bagi Malaysia, saya berasakan tinjauan ke hadapan adalah agak seimbang jika dilihat dari perspektif serantau," katanya.

Pasaran bon kekal menarik

Sementara itu, Ketua Pegawai Pelaburan (Pendapatan Tetap Asia) Manulife, Murray Collis, berkata ringgit mempunyai prestasi tahun yang mencabar setakat ini dengan penurunan sekitar lima setengah peratus dan didagang-

kan lebih lemah berbanding mata wang lain.

Beliau berkata, jika dilihat secara meluas, Malaysia sebenarnya mempunyai asas ekonomi makro yang agak kukuh.

"Saya berasakan bahawa ringgit menyusut nilai secara berlebihan, dari tahun ke tahun, namun apabila kita melihat secara lebih meluas pada pasaran bon Malaysia, kita fikir ia kekal menarik dari sudut penilaian.

"Jadi, saya rasa pasaran bon tempatan masih menarik. Ringgit mungkin sedikit lebih neutral kepada sedikit positif dalam jangka masa sederhana," katanya.

“Sokongan akan diteruskan dengan ada banyak tanda positif keutamaan fiskal kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana.”

Sue Trinh,
Ketua Bersama, Strategi Makro Global, Pasukan Penyelesaian Berbilang Aset Manulife



“Saya rasa pasaran bon tempatan masih menarik. Ringgit mungkin sedikit lebih neutral kepada sedikit positif dalam jangka masa sederhana.”

Murray Collis, Ketua Pegawai Pelaburan (Pendapatan Tetap Asia) Manulife

